

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1997/98**

Februari 1998

BPT 482/3 Penyakit Tanaman Tropika

Masa : [3 jam]

Jawab mana-mana **LIMA** soalan. Jika calon menjawab lebih daripada lima soalan hanya lima soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

(BPT 482/3)

1. Kebun yang semak samun sering didapati insiden penyakit yang tinggi. Daripada apa yang telah anda pelajari, apakah faktor-faktor yang mempengaruhi insiden penyakit yang tinggi ini yang boleh diasosiasikan dengan keadaan kebun yang semak samun.
(20 markah)

2. Penyakit bengkak cerana merupakan penyakit yang serius pada tanaman durian. Terangkan latar belakang penyakit ini dan ancamannya yang boleh menjejaskan perkebunan durian secara komersial.
(20 markah)

3. Huraikan satu kompleks penyakit yang menyerang tanaman lada hitam dan bincangkan hubungan organisma-organisma yang terlibat dalam kompleks penyakit tersebut.
(20 markah)

4. Tulis nota ringkas tentang **DUA (2)** dari yang berikut:
 - a) Penyakit jalur vaskular pada koko.
(10 markah)

 - b) Penyakit reput pangkal kelapa sawit.
(10 markah)

 - c) Penyakit karat pada kopi.
(10 markah)

5. Pilih satu penyakit tanaman tropika yang masih tidak wujud di negara kita yang anda anggap adalah penting dan mampu mengancam industri pertanian di ladang atau oleh pekebun kecil. Bincangkan dari segi kerugian hasil, etiologi dan wabak penyakit.
(20 markah)

(BPT 482/3)

6. Pilih satu penyakit tanaman tropika penting yang dinamakan, dan terangkan bagaimana pengetahuan dan kefahaman tentang kitar hidup patogen dan penyakit pada tanaman yang berkenaan dikaitkan dengan keberkesanan amalan kawalan dan langkah pengurusan yang disyorkan.

(20 markah)

- 0000000 -